

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN; PENELITIAN SEMULA KONSEP-  
KONSEP ASAS MENURUT PERSPEKTIF GAGASAN  
ISLAMISASI ILMU MODEN<sup>1</sup>**

Dr. Noor Hisham Md Nawi  
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan

**Abstrak**

Pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) sentiasa berubah. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa pembelajaran berorientasikan pelajar sedang diarusperdanakan secara radikal. Dalam konteks aksiologi ilmu di mana ilmu sains kontemporari dianggap bersifat eurosentrik dan mengabaikan paradigma tauhid, konsep-konsep asas dalam P&P sangat penting untuk diteliti semula bagi melaksanakan agenda gagasan Islamisasi ilmu moden (GIIM). Menurut perspektif GIIM, perkara yang paling fundamental dalam aspek P&P adalah penghasilan pembelajaran yang bermakna. Demikian juga, pertimbangan mengenai sumber dan hierarki ilmu sangat signifikan dan perlu diambil kira dalam penyampaian P&P walaupun ia harus menggunakan apa sahaja pendekatan dan kaedah yang ada (seperti berpusatkan guru, pelajar, objektif, hasil, proses dan nilai). Dalam kes tertentu, ilmu dalam kategori naqli yang berstatus ilmu fardhu ain khususnya pada peringkat awal pengajian, masih memerlukan 'konsep berguru' kerana matlamat pembelajaran melibatkan pembinaan adab dan penghayatan nilai. Penelitian konsep-konsep asas dalam P&P penting untuk menggerakkan proses kesepaduan yang mengaplikasikan konsep pembebasan dan pengembalian. Pelaksanaan P&P yang tepat akan menggalakkan pemikiran kritis dan sintesis kreatif yang berpaksikan kepada pandangan alam Islam. P&P tersebut sekaligus tidak mengabaikan peranan jiwa dan aspek kerohanian untuk melengkapkan pertumbuhan potensi insan yang bersifat sepadu, seimbang dan menyeluruh.

**1.0 PENDAHULUAN**

الرَّحْمَنُ (١) عِلْمَ الْقُرْآنَ (٢) خَلَقَ الْإِنْسَانَ (٣) عِلْمَهُ الْبَيَانَ (٤)

Maksud : (Tuhan) Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmatNya. Dialah yang telah mengajarkan Al-Quran. Dialah yang telah menciptakan manusia. Mengajarnya pandai berbicara.

Tujuan pengajaran dan pembelajaran adalah untuk mendapatkan ilmu. Dari aspek falsafah, ilmu boleh dilihat dari tiga sudut pandang iaitu ontologi (hakikat), epistemologi (sumber dan pengkaedahan) dan aksiologi (nilai). Perbincangan mengenai aksiologi ilmu mengajak kita semua menyemak semula status nilai ilmu tersebut khususnya ilmu-ilmu moden.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM 2011 pada 18-20 Disember di Hotel Vistana Pulau Pinang.

Adakah semua ilmu penting dan baik untuk ummah serta berguna untuk membina kembali peradaban rabbani ? Al-Attas adalah antara cendekiawan kontemporari yang berani mendakwa bahawa ilmu moden pada hari ini tidak neutral atau sarat dengan nilai-nilai peradaban Barat (eurosentrik). Justeru, ilmu tersebut seharusnya dimurnikan terlebih dahulu sebelum dapat digunakan untuk membina ummah. Artikel ini mengajak kita untuk melihat hubungan di antara proses pengajaran dan pembelajaran dengan pemerolehan sesuatu ilmu yang dibahaskan dari sudut kedudukan nilainya.

## 2.0 PENGERTIAN ILMU

Apakah itu ilmu? Franz Rosenthal (1970) telah membincangkannya dengan panjang lebar dengan mengemukakan 107 buah definisi ilmu yang dibahagikan kepada 12 kategori. Dalam pengertian Barat moden, terdapat tiga aliran pemikiran utama yang berusaha menanggapi pengertian ilmu iaitu mazhab empirisisme, rasionalisme dan pragmatisme. Menurut al-Attas (1978) kekaburan dan ketidaktepatan konsep ilmu yang dipimpin oleh pandangan alam Barat sekular telah mengakibatkan banyak kezaliman kepada kehidupan manusia dan alam. Manusia pada hari ini sememangnya mengetahui banyak perkara. Namun kebanyakan perkara yang diketahuinya itu tidak memasukkan hakikat-hakikat penting dalam kehidupan seperti kewujudan Tuhan, hari pembalasan, roh dirinya sendiri dan lain-lain yang hanya dapat diketahui melalui sumber wahyu. Ilmuan Islam mempunyai pandangan yang pelbagai tentang pengertian dan konsep ilmu. Umumnya mereka bersepakat bahawa semua sumber ilmu pada hakikatnya datang daripada sumber yang satu.

Sebagai landasan perbincangan, penulis memilih takrifan ilmu yang dikemukakan oleh al-Attas. Al-Attas (1978) mentakrifkan ilmu dengan mengemukakan semula takrif Fakhruddin Al-Razi dalam bentuk yang diperbaiki dan diubahsuai sebagai; “apabila merujuk kepada Allah sebagai sumber segala ilmu, ia (ilmu) adalah ketibaan makna bagi sesuatu ke dalam diri seseorang. Sebaliknya apabila merujuk kepada diri sebagai pentafsir, ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu”. Takrifan ini membawa maksud bahawa Allah adalah sumber sebenar ilmu dan manusia adalah makhluk aktif yang berusaha mendapatkan ilmu. Oleh itu semua ilmu bertolak daripada premis *tauhid* iaitu ilmu terbit daripada sumber yang satu. Takrifan tersebut memberi beberapa implikasi penting. Sesuatu itu dikatakan ilmu jika ia berdasarkan maklumat yang benar dan memberi makna kepada pemiliknya. Ini bermakna ilmu tidak sama dengan fakta, teori, kemahiran atau maklumat walaupun ilmu tentunya meliputi fakta dan maklumat.

## 3.0 SUMBER DAN HIERARKI ILMU

Takrifan sebelumnya memperakukan bahawa sumber ilmu itu pelbagai dan boleh dibahagikan kepada lima jenis iaitu pancaindera, akal, intuisi, ilham dan wahyu. Dengan menyepadukan sumber metafizik dengan sumber empirikal dalam satu sistem hierarki yang berlandaskan prinsip *tauhid*, tradisi keilmuan yang berasaskan epistemologi Islam bebas daripada tiga permasalahan besar yang melanda tradisi keilmuan Barat moden iaitu masalah pandangan atomisme (*juz'i*), dualisme (pemisahan kepada dua) dan skeptisme (keraguan). Ringkasnya Islam mengiktiraf konsep klasifikasi dan hierarki dalam ilmu.

Adakah kepelbagaian sumber dan hierarki sebelumnya memberi impak kepada proses pengajaran dan pembelajaran ? Bolehkah semua sumber dan hierarki ilmu menggunakan proses pengajaran dan pembelajaran yang sama atau setiapnya memerlukan proses pengajaran dan pembelajaran yang tersendiri ?

Islam mengiktiraf konsep hierarki dalam domain kehidupan manusia seperti kepelbagaian tingkatan jiwa, ilmu pengetahuan, kemampuan manusia dan alam. Ia selaras dengan konsep kejadian makhluk Tuhan yang dibekali dengan unsur spiritual yang bertingkat-tingkat dan bervariasi sesuai dengan tempat dan ontologinya. Sulaiman Nordin (1999) menyatakan bahawa ilmu pengetahuan dalam Islam mempunyai dua ciri asas yang paling utama iaitu kesepaduan dan hierarki berbeza dengan Barat yang hanya mengiktiraf konsep klasifikasi ilmu. Ilmu yang bersumberkan wahyu dan akal fikiran sifatnya adalah sepadu dan saling melengkapi. Namun pada masa yang sama ia berada dalam satu susunan yang bertingkat atau berhierarki. Klasifikasi ilmu kepada ilmu *fardhu ain* dan *fardhu kifayah* adalah contoh yang sangat jelas tentang pengstruktur hierarki ilmu. Ini bermakna Islam tidak menyamakan taraf semua ilmu. Menurut Wan Mohd Nor (1991), dasar skema ilmu *fardhu ain* dan ilmu *fardhu kifayah* telah dipersetujui oleh semua ilmuan Islam walaupun mereka berselisih pendapat dari segi kandungannya.

Pembahagian ilmu kepada ilmu *fardhu ain* dan ilmu *fardhu kifayah* sangat signifikan (Syed Muhammad Dawilah 1993). Melalui pembahagian tersebut, Islam telah meletakkan keadilan terhadap ilmu dan insan yang menuntutnya. Pembahagian tersebut sangat penting pada masa kini khususnya untuk menghadapi kekeliruan yang ditimbulkan oleh falsafah Barat terhadap konsep ilmu. Barat menolak konsep pentarafan ilmu dan hanya mengiktiraf kategori ilmu *fardhu kifayah*. Dalam tradisi kebudayaan Barat, faham ilmu tidak berkaitan dengan agama, hikmah, keadilan dan akhlak secara jelas dan sistematik. Masing-masing bebas memilih apa sahaja yang hendak dipelajari tanpa sebarang panduan yang jelas.

#### **4.0 KONSEP GAGASAN ISLAMISASI ILMU MODEN**

Gagasan ini muncul dengan premis bahawa ilmu moden pada hari ini sarat dengan nilai-nilai Barat atau bersifat eurosentrik yang sebahagiannya tidak selari dengan pandangan sarwa Islami. Terdapat pelbagai pandangan dikemukakan terhadap definisi Islamisasi atau Islamisasi ilmu moden. Kebanyakan definisi yang dikemukakan bergantung kepada tafsiran dan kefahaman masing-masing. Kritikan terhadap setiap definisi yang dikemukakan juga banyak. Pada waktu yang sama terdapat beberapa istilah lain yang membawa pengertian yang hampir sama dengan gagasan Islamisasi seperti desekularisasi, dewestenisasi, integrasi, holistik, kebangkitan semula dan kesepaduan sejagat. Meskipun begitu, Imron Rosidy (1998) menegaskan bahawa istilah-istilah tersebut tidak sekali-kali membawa maksud yang sama dengan istilah 'gagasan Islamisasi' sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh pihaknya yang asal.

Perbincangan ini berpada dengan definisi yang dikemukakan oleh dua orang tokoh yang paling utama dalam pembentukan gagasan tersebut iaitu al-Attas dan al-Faruqi. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), definisi islamisasi ialah "pembebasan

manusia; pertama dari tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan dan selepas itu (pembebasan akal) dan bahasa dari sekularisme”. Definisi ini menjadikan manusia sebagai sasarannya, bukan sistem, struktur ataupun organisasi yang terdapat dalam masyarakat. Berdasarkan definisi tersebut, Islamisasi berfokuskan perubahan pemikiran dan keilmuan setiap individu muslim. Definisi Islamisasi ilmu yang dikemukakan oleh al-Faruqi (1989) ialah “memberikan definisi baru, mengatur dan menghubungkan data-data, menilai kembali kesimpulan-kesimpulan, mengulang-kaji semula tujuan-tujuan hinggalah disiplin ilmu tersebut memperkayakan wawasan Islam dan bermanfaat bagi cita-cita Islam”. Walaupun terdapat pelbagai definisi dan pentafsiran yang berbeza-beza tentang Islamisasi, ramai tokoh yang berpendapat bahawa kepelbagaian istilah bukanlah satu masalah selagi mana intipati, prinsip dan matlamatnya adalah sama. Selain daripada Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ismail al-Faruqi, terdapat beberapa tokoh lain yang turut membincangkan gagasan Islamisasi seperti Seyyed Hossein Nasr (1984), Ziauddin Sardar (1984), Jaafar Sheikh Idris (1987), Abu Sulayman (1994), Hassan Langgulung (1995) dan lain-lain. Persoalannya adalah apakah konsep pengajaran dan pembelajaran yang bertepatan dengan gagasan Islamisasi ilmu? Dan bagaimanakah konsep P&P tersebut boleh diaplikasikan untuk merealisasikan gagasan berkenaan.

## **5.0 PENGERTIAN DAN KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

### **5.1 Pengertian Dan Konsep Pengajaran**

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Tanpa salah satu daripadanya pengajaran tidak akan berlaku. Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar. Hasil daripada pengajaran berlakulah perubahan yang secara relatifnya kekal sama ada dalam bentuk yang eksplisit ataupun implisit (Shababuddin et al. 2003). Pengajaran boleh ditambahbaik secara berterusan menerusi penyelidikan, pengembangan ilmu, pemantapan kemahiran dan rujukan kepada amalan profesional yang berkaitan. Pengajaran juga merangkumi proses merekabentuk kurikulum, penyampaian kurikulum, dan sistem penilaian pelajar. Dalam proses pengajaran, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diaplikasikan seperti pengajaran berpusatkan murid, guru, hasil, proses dan nilai. Secara ringkas, komponen asas yang membentuk sesuatu proses pengajaran seharusnya mengandungi ciri-ciri berikut iaitu guru, pelajar atau murid, kandungan, kaedah, tujuan, hasil (perubahan yang kekal secara relatif) dan penilaian.

### **5.2 Pengertian Dan Konsep Pembelajaran**

Pembelajaran adalah proses interaksi peserta didik dengan pendidik agar berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan pada peserta didik. Pembelajaran seharusnya menghasilkan perubahan yang agak kekal (tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan) hasil daripada penglibatannya dalam sesuatu pengalaman pendidikan. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2002), skop pembelajaran sangat luas meliputi domain kognitif (pemikiran dan minda), afektif (perasaan dan emosi) dan psikomotor (anggota fizikal badan).

Pembelajaran boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pembelajaran memerlukan kaedah dan proses sama ada dari yang paling mudah sehinggalah kepada yang paling kompleks. Pembelajaran boleh berlaku tanpa melalui proses pengajaran formal. Demikian juga pengajaran tidak semestinya menghasilkan pembelajaran. Namun secara lazimnya pengajaran yang baik akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Dalam situasi tertentu, terdapat pembelajaran yang tetap memerlukan proses pengajaran. Justeru, terdapat kemungkinan di mana pembelajaran yang berlaku tidak memenuhi syarat dan gagal mencapai kehendak sebenar pentakrifan pendidikan. Secara ringkas, komponen asas yang mesti dipenuhi untuk menghasilkan pembelajaran ialah pelajar, perkara yang dipelajari (bersifat kandungan atau pengalaman pembelajaran, kaedah dan hasil (perubahan yang kekal secara relatif).

### **5.2.1 Rukun Pembelajaran**

Berdasarkan perbincangan sebelumnya, kita boleh mengesan entiti-entiti asas yang membentuk proses pembelajaran atau pengalaman pembelajaran. Penulis merumuskan entiti asas atau rukun pembelajaran terdiri dari empat perkara dan tanpa salah satu daripadanya proses pembelajaran tidak akan berlaku atau aktiviti tersebut tidak dinamakan pembelajaran. Empat entiti tersebut ialah pelajar, perkara yang dipelajari, kaedah pembelajaran dan hasil pembelajaran.

#### ***i-Pelajar***

Pelajar adalah merujuk kepada pihak yang mempelajari sesuatu perkara sama ada berbentuk pengetahuan, kemahiran, pengalaman perasaan dan lain-lain. Pihak tersebut secara mudahnya digelar sebagai pelajar atau murid. Selain daripada manusia, binatang turut boleh dikategorikan dalam konteks ini kerana sesetengah binatang mempunyai potensi untuk mempelajari sesuatu yang mudah dengan baik seperti ikan lumba-lumba. Tanpa pelajar sudah tentu proses pembelajaran atau pengalaman pembelajaran tidak akan berlaku.

#### ***ii- Perkara Yang Dipelajari***

Rukun kedua ialah perkara yang dipelajari. Ia boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan kategori. Umumnya secara mudah ia digelar ilmu samada berupa pengetahuan, kefahaman intelek, kemahiran, pengalaman perasaan, celik akal, kesedaran, nilai, keyakinan, kepercayaan dan sebagainya. Ia juga boleh wujud dalam pelbagai konteks seperti fakta, andaian, persepsi, hipotesis, tesis, postulat, aksiom, hikmah, pengalaman atau apa yang dialami dan sebagainya. Pendek kata ia boleh diklasifikasikan dalam bentuk dan dimensi yang pelbagai seperti berdasarkan sumber pemerolehannya, cara memperolehinya, tanggungjawab mempelajarinya, matlamat pencariannya, kemanfaatannya dan lain-lain. Tanpanya proses pembelajaran juga tidak akan berlaku.

#### ***iii- Kaedah Pembelajaran***

Kaedah pembelajaran adalah jambatan yang menyambungkan antara dua rukun sebelumnya dan menyebabkan berlakunya proses pembelajaran. Ia juga boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan cara, bermula dengan yang paling mudah kepada yang paling kompleks. Walaupun proses pembelajaran adalah satu aktiviti yang bebas dan tidak

terbatas kepada masa atau tempat tertentu, ia masih berhajatkan kepada kaedah untuk menjadikannya satu proses pembelajaran yang sempurna. Adalah mustahil proses pembelajaran boleh berlaku tanpa sebarang perantaraan kaedah. Antara kaedah pembelajaran ialah berguru, berbincang, bertanyakan soalan, berfikir, memerhati, merenung, mendapat ilham, bermimpi, mendapat wahyu ( khusus untuk para nabi dan rasul) dan lain-lain. Ia juga boleh berlaku dalam pelbagai pendekatan seperti berpusatkan pelajar, guru, proses, objektif dan lain-lain.

#### **4- Hasil**

Rukun terakhir proses pembelajaran ialah hasil. Hasil yang dimaksudkan ialah sebarang perubahan yang berlaku hasil interaksi antara ketiga-tiga rukun sebelumnya. Perubahan tersebut sama ada dalam bentuk penambahan dan peneguhan atau perubahan atau pertukaran ke arah yang lebih baik. Perubahan itu mestilah benar dan memberi makna kepada pelajar berkenaan. Justeru, jika hasil tidak berlaku, ia tidak boleh dinamakan pembelajaran atau pengalaman pembelajaran walaupun ketiga-tiga rukun sebelumnya wujud. Oleh itu ramai individu yang tidak belajar walaupun secara zahirnya (berlaku aktiviti) seolah-olah berlaku proses pembelajaran. Sebaliknya terdapat juga seseorang individu yang sememangnya belajar atau mengalami pengalaman pembelajaran walaupun kaedahnya sangat ringkas atau berbentuk spontan. Walau bagaimanapun terdapat rukun tambahan bagi proses pembelajaran yang melibatkan ilmu yang diperolehi dari sumber wahyu iaitu guru kerana ilmu agama wajib diperolehi melalui proses berguru atau mesti mendapat bimbingan dari ahli yang layak.

### **6.0 HUBUNGAN ANTARA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungan yang sangat rapat. Lazimnya pembelajaran dikaitkan dengan pengajaran (Sufean Hussin 2002). Pembelajaran khususnya di peringkat awal memerlukan bantuan dan bimbingan seorang guru atau pendidik. Oleh itu, guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik. Pelajar belum memiliki pengetahuan dan kemahiran kaedah belajar untuk belajar. Justeru, proses P&P di tahap rendah khususnya sekolah rendah memerlukan guru yang cekap supaya proses pembelajaran dapat berlaku dengan baik. Pembelajaran orang dewasa sedikit berbeza kerana pembelajarannya lebih terarah kepada pembelajaran sendiri (self-direction). Pelajar dewasa mempunyai pelbagai pengalaman hidup yang merupakan sumber yang paling kaya bagi pembelajaran.

Pembelajaran boleh berlaku tanpa melalui proses pengajaran. Kaedah belajar lebih luas berbanding dengan kaedah mengajar. Pengajaran hanyalah salah satu cara untuk manusia belajar. Manusia boleh belajar dari sesiapa dan apa-apa sahaja, di mana-mana dan pada bila-bila masa. Di peringkat yang lebih tinggi, manusia banyak belajar dari pengkajian atau penelitian terhadap sesuatu perkara. Terdapat beberapa perbezaan antara pengajaran dan pembelajaran. Dalam pengajaran, guru seharusnya mempunyai tujuan tertentu dan sasaran yang ingin dicapai. Pengajaran juga memerlukan kesedaran dan niat yang jelas. Tanpa kedua-duanya pengajaran tersebut tidak sah walaupun ia kelihatan berlaku. Pengajaran seharusnya dirancang walaupun merancang untuk tidak merancang (mengajar secara spontan). Merancang untuk tidak merancang adalah suatu perancangan

jua. Perkara yang ketiga ialah aspek hasil. Pengajaran sememangnya berhasratkan untuk mendapatkan hasil atau perubahan yang berlaku pada pelajar dalam erti kata yang luas. Untuk mendapatkan hasil tersebut, guru perlu mengukur pencapaian pelajar melalui kaedah-kaedah penilaian. Oleh itu pengajaran memerlukan penilaian. Pun begitu, pengajaran tetap berlaku walaupun tidak mencapai hasil atau perubahan yang ditetapkan. Sebaliknya, pembelajaran tidak memerlukan penilaian. Sungguhpun begitu, pembelajaran memerlukan hasil. Tanpa hasil, pembelajaran tidak berlaku. Hasil yang tidak diukur oleh aspek penilaian tidak membatalkan berlakunya proses pembelajaran.


Di peringkat pengajian tinggi, proses pembelajaran lebih utama berbanding dengan proses pengajaran. Reka bentuk pembelajaran bagi orang dewasa seharusnya lebih luwes dengan mengambil kira bahawa orang dewasa perlu mengetahui mengapa mereka perlu mempelajari sesuatu; melihat pembelajaran sebagai kaedah penyelesaian masalah dan seharusnya berguna kepada mereka. Pada peringkat ini, pengkaedahan pengajaran penting tetapi bukan lagi perkara yang patut diutamakan. Perkara yang lebih signifikan ialah memastikan proses dan hasil pembelajaran yang dikehendaki benar-benar tercapai. Kaedah P&P seharusnya dipulangkan kepada kebijaksanaan pada pendidik atau pensyarah. Para pensyarah perlu didedahkan dengan pelbagai pendekatan dan teknik pengajaran. Namun memaksa pensyarah memilih pendekatan tertentu dengan andaian ia lebih berkesan bukanlah satu keputusan yang tepat.

Terdapat beberapa kandungan yang tetap memerlukan proses pengajaran walaupun berada pada tahap pengajian tinggi. Perkara-perkara asas dalam agama (*fardhu ain*) perlu dipelajari secara berguru dan bukannya hanya setakat melalui pembacaan atau belajar melalui media ICT. Kaedah-kaedah tersebut boleh digunakan sebagai sokongan dan amat membantu tetapi mengabaikan kaedah berguru adalah suatu pendekatan yang salah. Bukan semua perkara boleh diteroka semata-mata dengan menggunakan keupayaan akal. Menurut Mahfuzah dan Ahmad Fakhrurazi (2009), terdapat aspek-aspek tertentu yang kebenarannya perlu melalui proses yang panjang secara berguru. Pembelajaran akhlak dan tawasuf sebagai contoh memerlukan bimbingan guru secara langsung dan tidak boleh dipelajari secara jarak jauh. Contoh yang lain ialah pembelajaran al-Quran dan aqidah juga memerlukan proses pengajaran secara berguru (yang berautoriti) kerana ia melibatkan proses pembinaan aqidah dan akhlak yang memerlukan *qudwah* yang hidup, proses musohabah dan nilai kerohanian yang bersifat maknawi. Teori-teori pembelajaran Barat tidak mampu memberikan penjelasan yang memuaskan hati dan pemikiran seseorang muslim atau memenuhi kehendak falsafah dan sistem pendidikan Islam.

Pengajaran mempunyai pelbagai pendekatan seperti pengajaran berasaskan guru, berasaskan pelajar, berasaskan hasil dan berasaskan proses. Demikian juga dengan pembelajaran mempunyai pelbagai pendekatan dan kaedah. Pendekatan pengajaran perlu disesuaikan dengan pendekatan pembelajaran. Sebagai kaedah, setiapnya mempunyai kelebihan dan pada masa yang sama juga memiliki kelemahan-kelemahan tertentu. Pada pandangan penulis, peringkat pengajian tinggi seharusnya lebih mengutamakan aspek pembelajaran berbanding dengan aspek pengajaran. Perkara yang sangat asas adalah proses pembelajaran seharusnya berlaku sebagaimana yang telah disasarkan walaupun apa pun pendekatan yang digunakan.

## 7.0 PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR

P&P adalah satu proses interaksi yang berterusan di antara pelajar dan guru. Proses interaksi ini boleh berpusatkan pelajar atau berpusatkan guru. Setiap pendekatan mempunyai kelebihan dan kelemahannya tersendiri. Pada masa kini, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi agresif mempromosikan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar bagi menggantikan pengajaran berpusatkan guru. Dalam pembelajaran berpusatkan guru, guru bertanggungjawab menentukan objektif pembelajaran, merangka tugas pembelajaran dan memilih sumber pembelajaran bagi muridnya. Sebaliknya, dalam pembelajaran berpusatkan murid, pelajar adalah 'autonomous' dan mereka bertanggungjawab sepenuhnya menentukan hala tuju proses pembelajaran. Ilustrasi di bawah menunjukkan satu kontinum pergerakan pembelajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan murid.



Rajah 1 Perbandingan antara proses pembelajaran berpusatkan guru dan murid dalam bentuk kontinum

### 7.1 Konsep Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (PBP), Kelebihan Dan Kelemahannya

Pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) adalah satu pendekatan pendidikan di mana kurikulum, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian berfokuskan kepada pelajar. Peranan pensyarah berubah daripada peranan sebagai pemberi kepada fasilitator. Banyak pihak cuba menghuraikan pengertian dan konsep PBP. Menurut Shahabudin et al. (2003), PBP adalah strategi pengajaran di mana pelajar menjadi pemain utama yang melibatkan diri secara aktif dalam sesuatu sesi P&P. Csete dan Gentry (1995) pula menggunakan istilah PBP sebagai pengajaran yang dikawal oleh pelajar. Kawalan di sini bermaksud pelajar mengawal prosedur, masa dan penilaian untuk memenuhi keperluan mereka yang berbeza. PBP ialah satu pendekatan pembelajaran yang meluas merangkumi pengalaman belajar secara aktif, penyelesaian masalah secara kritis dan kreatif, penggunaan simulasi dan main peranan, kajian kes, pembelajaran sendiri, kolaboratif dan koperatif. Secara padatnya, PBP adalah sebarang suasana pembelajaran yang efektif di mana perancangan, pengajaran dan penilaian menumpu kepada pelajar dan kepada hasil pembelajaran yang diperlukan pelajar.

Sejak kebelakangan ini, timbul rangsangan tentang perlunya peralihan strategi pembelajaran terutama di IPTA. Kaedah tradisional (dikaitkan dengan pengajaran berasaskan guru) bukan lagi cara terbaik mempersiapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran. Beberapa seminar telah pun diadakan seperti seminar *Problem-Based Learning* anjuran Universiti Malaya, *International Conference on Learning and Teaching* anjuran UiTM dan *3<sup>rd</sup> International Workshop on Self-Learning Material Development* anjuran



USM. Kini semua IPT disaran atau diwajibkan untuk beralih kepada kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar atau lebih popular dengan panggilan *Student-Centred Learning (SCL)*. SCL telah dilaksanakan di negara maju dengan pelbagai panggilan seperti *Student-Centred Instruction* (Felder dan Brent, 1996) atau *Student-Centred Teaching* (Motschnig-Pitrik, 2004) atau *Learner-Centered Instruction* (Newby et al, 2000) dengan membawa maksud yang serupa. Pendekatan SCL ialah strategi yang boleh membina tiga jenis kemahiran yang dianggap laris dalam sektor pekerjaan iaitu pengetahuan dan kemahiran dalam *work related area* serta *soft skill* (di Barat lebih dikenali dengan *social skill*).

Berikut dipaparkan perubahan peranan guru apabila pendekatan SCL atau PBP digunakan dalam bentuk sebelum dan selepas.

<i>Sebelum</i>	<i>Selepas</i>
Sentiasa dilihat sebagai pakar isi kandungan kursus dan sumber untuk semua jawapan bagi persoalan.	Penglibatan dalam banyak masa sebagai seorang yang tidak tahu semua tetapi sanggup belajar.
Dilihat sebagai sumber utama maklumat yang sentiasa menyampaikannya kepada pelajar.	Dilihat sebagai penyokong, pemberi kerjasama dan jurulatih di mana pelajar belajar bersama-sama dan menilai sendiri maklumat berkenaan.
Sentiasa bertanyakan soalan dan mengawal fokus pembelajaran.	Melatih pelajar membina dan mengeluarkan soalan dan mencari penyelesaian sendiri melalui pelbagai cara.
Mengarahkan pelajar melakukan latihan langkah demi langkah supaya semua mencapai keputusan yang sama.	Menggalakkan individu menggunakan pengetahuan dan kemahiran sendiri bagi mencapai penyelesaian.

Rujukan: Newby et al. (2000)

PBP mempunyai kelebihan dan kelemahan tertentu. Banyak kajian menunjukkan bahawa pendekatan PBP mengandungi beberapa kelebihan sebagaimana berikut :

1. Kaedah PBP mampu membentuk kematangan peribadi pelajar dan membina individu yang akan memiliki pemikiran berdaya tinggi melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang semasa proses P&P.
2. PBP berkeupayaan membina kemahiran sosial pelajar bagi mempersiapkan mereka sebelum ke alam pekerjaan seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan.
3. Pendekatan ini melatih pelajar tentang kemahiran menyelesaikan masalah yang kompleks.
4. Penggunaan teknik-teknik seperti simulasi, inkuiri-penemuan, penyelesaian masalah, pembelajaran koperatif membina kemahiran berfikir aras tinggi.

Di samping kelebihan-kelebihan di atas, pendekatan ini juga mengandungi kelemahan-kelemahan tertentu seperti kesukaran menghabiskan sukatan pelajaran yang ditetapkan, mengambil masa yang panjang, hilang kawalan kelas, menggunakan banyak tenaga, sebahagian pelajar (terutama yang lemah) sukar memahami kehendak pembelajaran dan terdapat pelajar yang tidak melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan.

## **8.0 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENURUT PERSPEKTIF GAGASAN ISLAMISASI ILMU MODEN (GIIM)**

P&P dalam tajuk ini merujuk kepada rukun pembelajaran sebelumnya dan definisi ilmu yang dikemukakan oleh al-Attas. Justeru, P&P sentiasa dilihat sebagai kesinambungan yang tidak pernah berpisah dengan induk falsafah pendidikan Islam dan falsafah ilmu yang berpaksikan prinsip tauhid. Pertama, P&P seharusnya menyampaikan kefahaman yang tepat tentang makna ilmu dan sifat-sifatnya sebagai kandungan, proses dan hasil. Ketiga-tiga sifat ini perlu difahami sebagai satu kesatuan yang memberi makna dan benar. Menyokong pandangan al-Attas (1999), kekeliruan dalam memahami konsep dan pengertian ilmu akan menjadikan proses penyampaian P&P tidak bermakna bahkan boleh membawa kepada kerosakan kepada keseluruhan sistem pendidikan Islam.

Walaupun kefahaman tentang makna ilmu dan sifat-sifatnya meliputi kandungan, proses dan hasil, kandungan seharusnya sentiasa mengambil tempat asas atau inti kepada pendidikan manakala pengkaedahan pula adalah pelengkapannya (Wan Mohd Nor 1998). Dua ciri penting pada ilmu ialah bermakna dan benar. Kandungan yang benar perlu disampaikan dengan kaedah yang baik. Penekanan yang berlebihan kepada aspek kaedah sehingga mengabaikan aspek kandungan akan menjadikan proses P&P kehilangan makna. Aspek kandungan dan kaedah pula mestilah benar dari sudut posisi dan hierarkinya. Islam mengiktiraf kepelbagaian sumber ilmu tetapi tahap kebenaran setiapnya tidaklah sama. Justeru, Islam menerima semua kaedah yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas pendidikan Islam. Menurut al-Attas (1999), Islam menggunakan metode *tauhid* dalam bidang pendidikan di mana semua pendekatan, strategi, kaedah dan teknik yang bersesuaian boleh digunakan tanpa membuat garis pemisah antara domain spiritual, intelektual dan saintifik seperti membaca, berdiskusi, melakukan eksperimen, kontemplasi, berdoa, bercerita, bermetafora dan lain-lain. Dengan semangat yang sama, Gagasan Islamisasi Ilmu Moden (GIIM) menerima semua bentuk pendekatan dan kaedah P&P selagi mana ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip pendidikan Islam. Setiap pendekatan dan kaedah mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Apa pun pendekatan boleh digunakan selagi mana pembelajaran yang beradab dapat dihasilkan (ilmu yang bermakna dan benar). Justeru, adalah tidak bijak untuk memaksa seseorang menggunakan pendekatan dan kaedah tertentu secara semberono. Pendekatan tidak akan menjadi satu isu besar sekiranya intipati makna kandungan dan pengkaedahannya difahami dengan tepat dan setiapnya diletakkan pada tempat yang wajar. Adalah disarankan supaya setiap pendidik menggunakan pelbagai pendekatan berdasarkan kesesuaian dan tidak terikat dengan pendekatan-pendekatan tertentu secara sempit.

Dalam konteks falsafah pendidikan Islam, konsep hierarki dan klasifikasi ilmu sangat penting. Islam tidak menyamatarafkan semua ilmu. Salah satu pembahagian hierarki ilmu yang penting dan memberi impak yang besar kepada proses P&P ialah pengkategorian ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Berdasarkan pembahagian tersebut, proses P&P seharusnya membantu pelajar mendapatkan ilmu mengikut tertib dan adabnya yang benar terutama bagi menyelesaikan krisis dualisme pendidikan. Mengembalikan semula fungsi ilmu fardhu ain sebagai teras dalam sistem pendidikan umat Islam khususnya di peringkat pengajian tinggi adalah satu strategi penyelesaian menurut

perspektif GIIM (Mohamed Aslam Haneef 2005). Justeru, P&P bagi kedua-dua kategori ilmu tersebut perlu dilaksanakan dengan bijaksana kerana kebenaran yang dicari dari setiapnya tidak sama. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa pertentangan tidak mungkin berlaku antara dua kategori ilmu tersebut. Berdasarkan perbincangan sebelumnya, timbul pertanyaan adakah konsep dan proses P&P bagi ilmu fardhu ain sama sahaja dengan ilmu fardhu kifayah dalam kategori ilmu aqli. Secara lebih mudah, adakah sama pendekatan P&P ilmu aqidah (sains wahyu) dengan P&P ilmu fizik (sains tabii) atau ilmu sejarah (sains kemanusiaan)? Konsep ilmu *fardhu ain* tidak wujud dalam perspektif Barat kerana kesemua ilmu disamatarafkan dari segi sumber dan keabsahannya (Abdul Rahman 2005). Oleh yang demikian, mengamati proses P&P kategori ilmu fardhu ain dengan menggunakan teropong epistemologi dan metodologi Barat adalah tidak tepat. Oleh itu, proses P&P ilmu fardhu ain tidak sesuai untuk dikaitkan dengan mana-mana pendekatan atau teori P&P menurut perspektif Barat. Ilmu fardhu ain adalah tuntutan agama yang ditetapkan oleh Tuhan. Ia tidak bermatlamatkan untuk mencapai kehendak individu, guru, masyarakat dan negara.

Menyedari bahawa ilmu fardhu ain bersifat dinamik dan sentiasa berkembang mengikut perkembangan seseorang individu muslim bermula dari alam kanak-kanak sehinggalah keusia tua, kaedah dan proses P&P ilmu fardhu ain memerlukan suatu pendekatan khas lagi tersendiri. Tentunya P&P ilmu fardhu ain peringkat pengajian rendah tidak sama dengan P&P peringkat pengajian tinggi kerana keperluannya berbeza. Menurut Adnan Yusopp (2005), setiap komponen atau tema dalam ilmu fardhu ain mempunyai ciri-ciri yang khusus dan memerlukan pendekatan dan kaedah yang tersendiri seperti P&P bagi tafsir al-Quran tidak sama dengan P&P bagi fiqh dan juga akhlak. Umumnya, ilmu fardhu ain menerima pelbagai pendekatan, strategi, kaedah dan teknik P&P selagi mana ia dapat membantu bagi mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun penerimaan tersebut perlu didahului dengan kefahaman yang mendalam agar tidak terperangkap dengan konsep, nilai atau ideologi asing yang mungkin terserap di dalamnya. Penerimaan tersebut juga perlu dilapik dengan kefahaman bahawa pendekatan dan kaedah tidak seharusnya mengambil posisi kandungan (Wan Mohd Nor 1998) dan tidak menenggelamkan peranan serta kewibawaan guru (dari sudut keilmuan dan keperibadiannya) (Ahmad Tafsir 2000). Justeru, pengaplikasian pendekatan tertentu secara total seperti PBP kepada semua hierarki dan klasifikasi ilmu adalah sesuatu yang boleh dipersoalkan.

Pengajian ilmu agama secara tradisinya (contohnya pondok) sering dikaitkan dengan sistem pengajian yang berpusatkan guru (berguru). Adakah pendekatan tersebut masih relevan atau pun sudah tiba masanya pendekatan baru diperkenalkan. Berpegang kepada prinsip sebelumnya, meraikan kepelbagaian pendekatan P&P dan tidak terikat kepada satu-satu pendekatan atau kaedah adalah sikap yang paling adil dan berhemah. Apa yang penting ialah pelaksanaannya harus bijaksana supaya pembelajaran berlaku atau pengertian ilmu sebenar dapat dicapai. Ilmu dari sumber wahyu tidak memerlukan proses indoktrinasi semata-mata. Islam adalah agama hati dan akal (mampu menerangi hati dan mengenyangkan akal). Bersetuju dengan pandangan Rosnani Hashim (2005), keterangan yang bersumberkan dalil-dalil *naqli* perlu dikaitkan dengan hikmah dan rasional di sebaliknya. Dengan lain perkataan, konsep ubudiyah, khilafah dan hikmah

ilahiyyah perlu dirasionalkan berdasarkan kerangka *maqasid syari<sup>c</sup>ah*. Namun usaha tersebut tidak seharusnya terkeluar dari batas-batas sepatutnya kerana akal manusia terhad untuk menyelami segala rahsia Tuhan (tolak rasionalisme). Sikap yang tepat sangat diperlukan untuk memahami dua konsep yang saling berkait iaitu prinsip kebenaran *naqli* tidak akan sekali-kali bertembung dengan kebenaran *aqli* dan prinsip meletakkan kebenaran *naqli* mendahului kebenaran *aqli* (al-Qaradhawi 2001). Secara asasnya, P&P ilmu fardhu ain sangat serasi dengan pendekatan berasaskan guru khususnya di peringkat awal umur pelajar (kanak-kanak). Apabila umur pelajar meningkat, secara perlahan-lahan aktiviti P&P mula bergerak ke arah berorientasikan pelajar dengan bimbingan, pengawasan dan pemantauan dari guru. Pada tahap tersebut, para pelajar telah pun memiliki asas-asas yang penting dan mempunyai tasawwur Islam yang jelas.

Walau bagaimanapun, proses P&P ilmu fardhu ain tetap memerlukan guru dan konsep 'berguru' sentiasa relevan. Tanpa guru, proses P&P ilmu fardhu ain tidak sah dan tidak sempurna. Dalam kategori ilmu fardhu ain, guru bukan hanya berfungsi sebagai penyampai ilmu atau fasilitator semata-mata bahkan sebagai muaddib (pembina akhlak) dan sumber qudwah untuk membimbing pelajar memahami, mengamal dan menghayati prinsip-prinsip shariah dalam satu kerangka yang sepadu dan jelas. Guru juga perlu berperanan sebagai sumber rujukan yang berautoriti dan bertanggungjawab untuk menentukan tahap pencapaian pelajar (Fazlur Rahman 1982). Untuk menerapkan adab, pertemuan secara maya tidak memadai kerana pendidik perlu berinteraksi, bermuamalat dan bersahabat (musohabah) dengan peserta didiknya secara langsung. Pun begitu, proses pembelajaran dan tahap pencapaiannya bergantung kepada pelajar itu sendiri. Menurut al-Nisywan (1992), pelajar perlu mengembangkan kefahaman, kemahiran dan nilai dalam diri mereka melalui daya usaha mereka sendiri. Guru berperanan untuk menyediakan konteks, aktiviti, bimbingan, dorongan dan teladan bagi membolehkan pelajar-pelajarnya mengembangkan potensi diri secara bermakna. Dari dimensi rohani, kedua-duanya mempunyai pertalian roh yang diikat kuat dengan nilai keikhlasan dan niat yang baik. Dari dimensi fizikal, kedua-duanya memainkan peranan secara aktif dan kreatif dalam proses P&P berpandukan tujuan pendidikan yang jelas. Pelaksanaan P&P ilmu fardhu ain peringkat tinggi juga menggunakan konsep yang sama tetapi dengan penglibatan pelajarnya lebih aktif, pemikiran yang lebih kritis dan analitikal, berorientasikan masalah serta memenuhi keperluan semasa.

Untuk melaksanakan GIIM, P&P bagi ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah (menurut al-Attas) atau ilmu aqli dan ilmu naqli (menurut al-Faruqi) mesti disepadukan. Kesepaduan tersebut mestilah difahami dalam kerangka ilmu *fardhu ain* dijadikan sebagai teras yang mengikat atau memandu ilmu *fardhu kifayah* (Muhammad Syukri Saleh 2002). Dengan lain perkataan, proses P&P ilmu fardhu kifayah khususnya ilmu sains moden mestilah disorot menurut pandangan alam Islam atau lebih tepat *ru'yatul Islam lilwujud*. Proses tersebut tidak seharusnya disalahfahami sebagai faktor penghalang kepada pengembangan pemikiran manusia. Sebaliknya ia harus dilihat sebagai satu proses kawalan mutu yang akan membimbing insan supaya tidak keliru dalam pencarian ilmu. Untuk melaksanakan proses kesepaduan tersebut, P&P yang aktif diperlukan di mana pendidik dan peserta didik komited melaksanakan proses pembebasan dan pengembalian. Pembebasan bermaksud penyingkiran segala elemen dan konsep yang mencirikan

peradaban Barat dalam setiap cabang ilmu pengetahuan yang mengongkong akal dan pemikiran dari mengetahui hakikat yang sebenar. Pengembalian pula bermakna proses memasukkan elemen-elemen dan konsep-konsep Islam dalam setiap cabang ilmu. Menurut Wan Mohd Nor (1998) kedua-dua proses ini sebenarnya berlaku secara serentak dan tidak ada ruang kosong di antara kedua-duanya. Proses pembebasan dan pengembalian tersebut memerlukan tahap kefahaman yang tinggi terhadap isu berkaitan, pemikiran yang kritis-sintesis dan jiwa yang tulus. Proses kesepaduan dalam P&P bagi kedua-dua hierarki ilmu tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian.

Kesepaduan P&P yang pertama adalah kesepaduan berbentuk intra di mana isi kandungan setiap mata pelajaran/kursus dalam ilmu fardhu ain sentiasa berkait antara satu sama lain sama ada dalam mata pelajaran/kursus yang sama atau yang berlainan untuk membantu pelajar membina tasawwur Islam yang tepat (Tajul Ariffin 2002). Kesepaduan intra dalam proses P&P penting untuk membimbing pelajar melihat setiap konsep, kemahiran dan nilai dalam ilmu fardhu ain saling berkait antara satu sama lain secara bermakna. Ketiga-tiga unsur inilah akan bertindak sebagai 'tali' yang akan mengikat keseluruhan kandungan kurikulum. Hubungan dan keterkaitan ini akan membentuk satu kesatuan kefahaman. Sebagai contoh pelajar dapat melihat hubungan yang jelas antara prinsip *tauhid* (aqidah) dan ibadat zakat (fiqh), nilai syukur (akhlak) dan konsep *ijmak* (usul al-fiqh); atau fenomena murtad dari perspektif aqidah, syariah, akhlak, dakwah, perundangan dan lain-lain dalam satu kerangka tasawwur Islam yang jelas. Tujuan utama P&P ilmu fardhu ain adalah melahirkan seorang pelajar muslim yang memiliki tasawwur Islam yang tepat dan mempunyai keperibadian diri yang mantap.

Kesepaduan P&P yang kedua adalah kesepaduan berbentuk inter di mana ilmu fardhu ain sebelumnya dikaitkan dengan bidang pengkhususan pelajar atau ilmu sains moden (Abdullah Omar Nassef 1981). Kesepaduan inter akan membantu pelajar melihat perkaitan di antara ilmu *naqli* dan *aqli* (bidang pengkhususan) dengan menjadikan ilmu *naqli* sebagai paksinya seperti hubungan di antara konsep khilafah dengan bidang bioteknologi. Setiap subjek/kursus ilmu fardhu kifayah atau aqli akan disorot melalui prinsip dan nilai-nilai Islam yang menunjukkan bahawa semua ilmu saling kait mengait dan mempunyai matlamat yang sama. Pada peringkat ini, proses P&P seharusnya melalui dua proses asas iaitu proses pembebasan diri (mengeluarkan elemen-elemen asing) dan proses pengembalian diri (memasukkan konsep-konsep Islam) dalam setiap cabang ilmu moden. Pengalaman pembelajaran yang kritis dan sistesis kreatif sangat penting. Pada tahap rendah (sekolah rendah dan menengah), proses P&P bersepadu berbentuk inter, lebih berorientasikan guru dan memerlukan bimbingan guru secara dekat. Pada tahap tinggi (institusi pengajian tinggi), proses P&P akan mula condong kepada pengajian berorientasikan pelajar. Pada tahap ini, pelajar akan mengaplikasikan prinsip-prinsip Islam dalam ilmu pengkhususan dan mula menjalankan penyelidikan. Justeru, proses P&P seharusnya melatih pelajar untuk menghasilkan analisis dan sintesis kreatif hasil dari proses kesepaduan ilmu naqli dan ilmu aqli. Sintesis yang dijana seharusnya terhasil dari penguasaan yang baik dalam kedua-dua bidang ilmu tersebut. Dengan cara ini, ilmu moden yang sarat dengan nilai-nilai Barat akan sedia untuk diolah semula mengikut acuan paradigma *tauhid*.

## 9.0 RUMUSAN

Perkara yang paling fundamental dalam aspek P&P adalah penghasilan pembelajaran yang bermakna. P&P harus menggunakan apa sahaja pendekatan dan kaedah seperti pendekatan berpusatkan guru, pelajar, objektif, hasil, proses, hasil dan nilai selagi mana ia menghasilkan pembelajaran. Walau bagaimanapun, P&P seharusnya turut mengambilkira sumber dan hierarki ilmu kerana kategori ilmu naqli khususnya yang berstatus ilmu fardhu ain memerlukan aplikasi konsep berguru. Konsep berguru dalam kes tersebut tetap dipertahankan kerana matlamat pembelajarannya melibatkan pembinaan adab dan penghayatan nilai yang memerlukan konsep musohabah dan interaksi secara langsung antara pendidik dan peserta didik. Dalam konteks faham ilmu moden yang bersifat eurosentrik dan tidak lagi berpaksikan prinsip tauhid, proses P&P disarankan menggerakkan proses kesepaduan yang mengaplikasikan konsep pembebasan dan pengembalian. Pelaksanaannya menuntut proses P&P yang aktif, (samaada menggunakan pembelajaran koperatif, kolaboratif, komuniti, berasaskan masalah, berasaskan projek, berasaskan rakan sebaya, konstruktivisme, kajian kes dan berasaskan inkuiri) sesuai dengan tahap pengajian dan menggalakkan pemikiran yang kritis dan sintesis kreatif yang berpaksikan kepada pandangan alam Islam. P&P tersebut sekaligus tidak mengabaikan peranan jiwa dan aspek kerohanian untuk melengkapkan pertumbuhan potensi insan yang bersifat sepadu, seimbang dan menyeluruh.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Abd Rahim Abd Rashid. 2002. Agenda perubahan pendidikan sains sosial dalam mengharungi alaf baru. Dlm. Abd Rahim Abd Rashid. (pnyt.). *Pengajaran dan pembelajaran sains sosial: teori dan amalan*, hlm. 1-21. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 2005. *Wacana falsafah ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Omar Nasseef. 1981. Science, shariah and education: a generalized methodology for planning Islamic curricula. *Muslim Education Quarterly* 1(1): 41-60.
- Adnan Yusopp. 2005. Pengajaran perkaedahan Pendidikan Islam di peringkat ijazah tinggi: keperluan dan cabaran. Dlm. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. (pnyt.). *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab; perspektif pengajian tinggi*, hlm. 37-49. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Tafsir. 2000. *Ilmu pendidikan dalam perspektif Islam*. Edisi ke 3. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and secularism*. Kuala Lumpur : Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1999. *The concept of education in Islam*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Csete dan Gentry. 1995. Dalam Smith, R. <http://www.gsu.edu/~mstsw/wh/course/it7000/papers/student-1.html> [7 Julai 2011]
- al-Faruqi, Ismail Raji. 1989. *Islamization of knowledge: general principle and workplan*. Second Edition, Revised and Expanded. Abdul Hamid Abu Sulayman. Washington DC: International Institute of Islamic Thought (IIIT).

- Fazlur Rahman. 1982. *Islam and modernity; transformation an intellectual tradition*. Chicago: University of Chicago Press.
- Felder, R.M. & Brent, R. 1996. *Navigating the bumpy road to student-centered instruction*. *College Teaching*, Vol.44(2):43-47.
- Imron Rossidy. 1998. An analysis of al-Attas' and al-Faruqis' conceptions of Islamization of contemporary knowledge : implications for muslim education. Tesis Sarjana. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mahfuzah Mohammed Zabidi & Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi. 2009. Penghayatan dan pelaksanaan konsep berguru dalam proses keilmuan pada era globalisasi. Kertas kerja Persidangan Pendidikan Islam Sedunia kali Ke-7, Kolej Universiti Islam Selangor, Grand Blue Wave Hotel, 21-23 Disember.
- Mohamed Aslam Haneef. 2005. *A critical survey of Islamization of knowledge*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Motschnig-Pitrik, R. Combining Carl Rogers' student-centered learning with eLearning: Experiences, consequences, and hypohese. <http://www.saybrook.edu/crr/papers/motschnig-.html> [7 Julai 2011]
- Muhammad Syukri Saleh. 2002. *Pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Newby, T.J.; Stepich, D.A.; Lehman, J.D.; Russell, J.D. 2000. *Instructional technology for teaching and learning*. New Jersey: Prentice Hall.
- al-Nisywan, Yaaqub Hussain. 1992. *Al-manhaj al-tarbawiyy min manzur al-Islami*. Amman: Darul Furqan.
- al-Qaradhawi. 2001. Al-Quran dan as-sunnah : referensi tertinggi. Terj. Bahruddin Faunani. Selangor: Penerbit Darul Iman.
- Rosenthal Franz. 1970. *Knowledge triumphant : the concept of knowledge in medieval Islam*. Brill: Leiden
- Rosnani Hashim. 2005. *Rethinking Islamic education in facing the challenges of the twenty-first century*. *American Journal of Islamic Social Sciences*. 22(4):129-147.
- Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir. 2003. *Pedagogi : strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sufean Hussin. 2002. Kualiti pengajaran-pembelajaran dan keberkesanan sekolah: kerangka dan model untuk penyelidikan. Dlm. Abd Rahim Abd Rashid. (pnyt.). *Pengajaran dan pembelajaran sains sosial: teori dan amalan*, hlm. 23-38. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sulaiman Noordin. 1999. *Sejarah pemikiran I; sumber ilmu, perbandingan ideologi dan orde baru dunia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM.
- Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus. 1993. *Epistemologi Islam; teori ilmu dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan pembangunan manusia; pendekatan bersepadu*. Selangor: As-Syabab Media.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1991. *The beacon on the crest of a hill: a brief history and philosophy of the International Institute of Islamic Thought and Civilization*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1998. *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib Al-Atass; an exposition of the original concept of islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.